

INTEGRASI DATA: SIRI 5

MALAYSIA STATISTICAL BUSINESS REGISTER

Pendahuluan

- 1 **Malaysia Statistical Business Register (MSBR)** merupakan satu daftar lengkap pertubuhan perniagaan yang menjalankan aktiviti ekonomi di Malaysia. MSBR merangkumi semua senarai pertubuhan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan, badan profesional, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan agensi lain
- 2 MSBR merupakan hasil integrasi data daripada pelbagai sumber pentadbiran dan banci/survei bagi memastikan pangkalan data MSBR sentiasa lengkap, terkini dan komprehensif
- 3 Pertubuhan perniagaan dikelaskan berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang dibangunkan berdasarkan *International Standard Industrial Classification (ISIC)* Semakan ke-4

Kepentingan

-  Sumber rangka persampelan yang lengkap dan terkini, iaitu sebagai asas utama dalam pelaksanaan survei ekonomi
-  Sumber rangka (*frozen frame*) bagi pelaksanaan banci ekonomi
-  Sumber data terperinci yang menyokong penghasilan statistik ekonomi serta memenuhi pelbagai permintaan data yang kian meningkat

Evolusi MSBR

1988

Central Register System (CRS): dikendalikan melalui Direktori Sistem Umum yang beroperasi dalam persekitaran kerangka induk (*mainframe*)

1994

Central Register System (CRS): dibangunkan dalam sistem berasaskan PC menggunakan *Dbase IV*

1996

Central Register System (CRS): dinaik taraf kepada persekitaran Rangkaian Kawasan Setempat (LAN)

2002

Central Register System (CRS): dinaik taraf kepada Rangkaian Kawasan Luas (WAN)

2008

Pembangunan **Integrated Statistical Systems Framework (ISSF)**

2010

Malaysia Statistical Business Register (MSBR): diintegrasikan sepenuhnya dalam ISSF

Sumber Pengemaskinian MSBR

Agensi pusat (lebih daripada 50 agensi) seperti SSM, KWSP dan lain-lain. Sumber bukan pusat seperti pihak berkuasa tempatan/majlis daerah

Sumber Data Pentadbiran

Sumber Banci/Survei

Pengemaskinian berdasarkan data banci atau survei yang dilaksanakan DOSM

Proses semakan melalui dokumen QIS bagi mendapatkan maklumat pertubuhan perniagaan baharu dan sedia ada bagi meningkatkan kualiti maklumat pertubuhan perniagaan di MSBR

Quality Improvement Screening (QIS)

Sumber Alternatif

Sumber web crawler (*botsol*), media sosial, laman web syarikat dan laporan tahunan/kewangan syarikat

Sumber Data Pentadbiran MSBR



Kerjasama Strategik DOSM dengan Agensi

- 1 Memorandum Persefahaman (MoU) antara DOSM dan agensi bermula sejak tahun 2009
- 2 Data diterima mengikut kekerapan tahunan dan suku tahunan bergantung kepada jenis sumber dan keperluan pelaporan
- 3 Sesi libat urus dan mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun

Kerjasama dengan Agensi




 @StatsMalaysia

Inisiatif Pemodenan MSBR


Real Time Business Status (RTBS)

Melalui langgan *middleware* dengan kerjasama DOSM dan SSM.



Interactive Malaysia Statistical Business Register (i-MSBR)

Platform interaktif yang dapat membantu pengguna mendapatkan statistik bilangan pertubuhan perniagaan dan syarikat yang beroperasi di Malaysia.



Geographic Information System (GIS)

The Global Statistical Geospatial Framework (GSGF) memudahkan integrasi maklumat statistik dan geospasial bagi membolehkan semua rekod unit statistik dipautkan kepada sesuatu lokasi.



Cabaran Integrasi Data

Pertubuhan Baharu

Pengelasan Aktiviti

Liputan, konsep dan definisi yang berbeza daripada pelbagai sumber data pentadbiran yang diterima

Pengelasan kod aktiviti bagi pertubuhan semasa proses pendaftaran tidak mencerminkan aktiviti sebenar pertubuhan

Jurang Masa

Struktur Data

Sumber data mempunyai kekerapan pelaporan yang berbeza-beza

Struktur dan templat yang diterima adalah pelbagai daripada sumber data

Real Time Business Status (RTBS)

Perkhidmatan Integrasi Sistem Dalam Talian antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)



- Kerjasama strategik dengan SSM melalui langgan Perkhidmatan Integrasi Sistem Dalam Talian antara DOSM dan SSM. RTBS di DOSM dan *Middleware* di SSM.
- RTBS akan mengintegrasikan data daripada SSM ke dalam persekitaran DOSM bagi membolehkan maklumat entiti perniagaan seperti profil syarikat di SSM dapat diakses secara terus.
- RTBS merupakan perkhidmatan web di mana DOSM perlu menghantar permintaan berdasarkan format yang ditetapkan untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan syarikat/entiti perniagaan.

Ciri-ciri RTBS

Real time



Akses secara terus dan terkini profil entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM

Berpusat



Semakan status operasi syarikat perniagaan dilakukan secara berpusat

Kesahihan maklumat



Maklumat terperinci entiti perniagaan seperti maklumat pemilik, pemegang saham dan sebagainya diperoleh secara terus daripada agensi

Kebolehcapaian Sistem



Sistem hanya boleh diakses melalui rangkaian internet DOSM dan tidak boleh diakses dari luar

Mengurangkan Proses Kerja Secara Manual



Mengurangkan proses kerja manual iaitu permintaan maklumat entiti perniagaan dilaksanakan secara puka

Integriti maklumat



Maklumat yang diterima mempunyai ciri-ciri integriti, iaitu tepat pada masanya, relevan, tepat dan boleh dipercayai

